

Oleh yang demikian, beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha rangkaian terbabit termasuklah pencapaian minima bagi liputan perkhidmatan LTE di kawasan berpenduduk (*populated area*). Pada tahun pertama perkhidmatan (iaitu bagi tahun 2013), pengusaha-pengusaha rangkaian terbabit dikehendaki mencapai sekurang-sekurangnya 10 peratus liputan perkhidmatan LTE di kawasan berpenduduk. Seterusnya, pengusaha-pengusaha terbabit dikehendaki meningkatkan jumlah liputan perkhidmatan sekurang-kurangnya penambahan sebanyak 10 peratus pada setiap tahun untuk tahun-tahun berikutnya. Selepas tahun kelima, perkhidmatan LTE disasarkan mencapai 50 peratus liputan di kawasan berpenduduk.

Setakat ini, sebanyak sekurang-kurangnya 1900 LTE Base Transceiver Stations (BTS) telah disiapkan dan daripada jumlah ini 30 peratus telah dilengkapi dengan pautan fibre-optics. Ini adalah selaras dengan syarat yang telah ditetapkan oleh SKMM dimana 30 peratus daripada jumlah BTS LTE yang menggunakan jalur spektrum 2600MHz mesti dilengkapi dengan pautan fibre-optics pada tahun pertama perkhidmatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]

SOALAN :-

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan secara spesifik di manakah lokasi bagi 32,369 unit rumah yang bakal dibina di Pulau Pinang oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, JKP Sdn Bhd, PRIMA, Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Nasional Berhad dan UDA Holding Bhd.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang melaksanakan 231 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kampung Tok Subuh, Seberang Prai, Pulau Pinang dan juga merancang untuk membina 70 unit PPR di Mak Mandin.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014